

Kos majikan naik RM111b

Oleh **AHMAD FADHLULLAH
ADNAN**

fadhullah.adnan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Majikan bakal menanggung kos tambahan pekerja sebanyak RM9.25 bilion sebulan atau RM111 bilion setahun apabila Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) mula dilaksanakan secara menyeluruh bermula 1 Januari ini.

Kenaikan mendadak tersebut dilihat membebankan majikan

Pindaan Akta Kerja beban majikan, syor pelaksanaan berperingkat

dan dikhuatiri banyak majikan yang tidak mampu meneruskan

operasi atau mengambil pendekatan mengurangkan kakitangan bagi mengelakkan daripada gulung tikar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman berkata, pindaan akta tersebut memang dinantikan kalangan pekerja kerana akan menguntungkan mereka, namun perkara itu membebankan majikan.

Menurut beliau, ini kerana majikan terpaksa menanggung bebanan 'besar' secara mendadak terutamanya dari segi kos membayar kenaikan gaji, bayaran kerja lebih masa dan faedah-faedah lain yang ditambah baik dalam pindaan Akta Kerja 1955.

"Pindaan Akta Kerja 1955 sepatutnya dilaksanakan secara berperingkat untuk membolehkan majikan membuat persiapan menanggung kenaikan kos operasi. Pelaksanaan berperingkat

membolehkan peningkatan kos diserap dalam jangka masa yang lebih panjang dan bukan secara mendadak," katanya.

Kata beliau, pada tahun ini sahaja majikan sudah dibebani dengan pelaksanaan gaji minimum antara 25 peratus sehingga 36 peratus bermula Mei lalu dengan majikan menanggung kos keseluruhan kira-kira RM4 bilion untuk tahun ini sahaja.

Bersambung di muka 2

Kos majikan naik RM111b

Dari muka 1

Kata beliau, anggaran tersebut adalah jumlah semua kos yang perlu sekiranya akta tersebut dilaksanakan dengan segera.

Pada 21 Disember lepas, Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar dilaporkan berkata, Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang ditangguhkan pelaksanaannya sebelum ini akan mula berkuat kuasa 1 Januari depan.

Beliau berkata, penguatkuasaan mulai tahun depan perlu dilaksanakan walaupun pihak industri meminta penangguhan dilanjutkan.

Jelasnya, ini kerana undang-undang itu diluluskan di Parlimen dan sebahagian besarnya daripada pindaan itu adalah berdasarkan kepada Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan perkara itu sebagai jaminan kepada pekerja.

Mengulas lanjut, Syed Husain berkata, MEF mencadangkan kerajaan meneliti semula pelaksanaan pindaan yang dilihat memberi cabaran hebat kepada majikan.

Menurut beliau, pindaan tersebut sepatutnya dilakukan menjurus kepada keputusan 'menang-menang' antara pekerja dan majikan supaya ia dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing yang lebih baik terutamanya di peringkat antarabangsa.

"Pada masa ini, kebanyakan majikan masih bergelut dengan masalah aliran tunai terutamanya perniagaan perusahaan mikro, kecil dan sedhana

ANTARA PINDAAN AKTA KERJA 1955

- » Pengurangan tempoh waktu bekerja dari 48 jam kepada 45 jam seminggu
- » Penambahan cuti bersalin dari 60 hari kepada 98 hari
- » Cuti paterniti (suami) tujuh hari
- » Meningkatkan skop tuntutan kerja lebih masa dari RM 2,000 sebulan ke RM 4,000 sebulan
- » Aturan kerja fleksibel untuk pekerja
- » Mewajibkan keperluan mendapatkan kelulusan penggajian pekerja asing daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) di bawah Seksyen 60K (4) Akta Kerja 1955

(PMKS).

"Kebanyakan majikan juga masih cuba memulihkan perniagaan masing-masing akibat Covid-19, banjir besar dan ketidaktentuan geopolitik antarabangsa.

"Apatah lagi 2023 diramalkan sebagai tahun yang sukar dan majikan seharusnya dibantu untuk memampatkan perniagaan mereka serta membantu menstabilkan pasaran buruh negara," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah

Eksekutif Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Shaharuddin M. Saaid berkata, pindaan pelaksanaan Akta Pekerja perlu ditangguhkan dengan mengambil kira keadaan semasa terutamanya sektor ekonomi yang belum pulih sepenuhnya.

Beliau berkata, ini kerana pindaan itu akan menyebabkan kenaikan kos operasi perniagaan dalam keadaan kekurangan pekerja.

"Kita tak mampu menanggung kos. Apabila dipinda waktu bekerja dari 45 jam seminggu kepada 48 jam seminggu, apa yang menjadi masalah adalah dari segi kakitangan hotel yang berkurangan.

"Jadi ia akan menyebabkan keperluan kakitangan bekerja lebih masa, maknanya kos penggajian kepada kakitangan bertambah," katanya.

Justeru, beliau berharap kerajaan mempertimbangkan penangguhan pelaksanaan akta tersebut ke satu masa yang lebih mengizinkan.

"Sektor hotel dan pelancongan belum pulih, kita jangkakan pemulihan berlaku penghujung 2023 atau pada 2024.

"Tetapi ini bukan sahaja soal sektor pelancongan, sektor lain juga masih terkesan dengan tahun depan dijangkakan berlaku krisis ekonomi besar.

"Kalau untung berlebihan tak ada masalah, tetapi sekarang ini memang tidak mampu sebab situasi yang tidak membenarkan kami melaksanakan perkara yang dipinda itu," jelasnya.